

## UMS sedia laksana TEL untuk penuntut, staf akademik

DE 04.06.2020 P.3  
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia untuk melaksanakan Pembelajaran Diperkasa Teknologi (TEL), kata Naib Canselor Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Taufiq berkata Pusat e-Pembelajaran universiti itu memainkan peranan penting dalam melaksanakan agenda TEL untuk penuntut dan kakitangan akademik.

Ini, katanya, dapat dilakukan dengan mewujudkan serta memupuk kerjasama jangka panjang dengan pertubuhan antarabangsa dan memberikan pembinaan kapasiti berterusan bagi kak-

itangan akademik.

Sehubungan itu, UMS memulakan proses melaksanakan pembelajaran dalam talian global dengan mewujudkan kerjasama dengan Komanwel Pembelajaran (COL).

COL adalah sebuah pertubuhan antarabangsa antarabangsa yang memudahkan pelaksanaan pembelajaran diperkasa teknologi di semua negara Komanwel.

"TEL semakin diterima secara global dengan keadaan sekarang berkaitan pandemik Covid-19 yang mendorong pengajaran dan pembelajaran ke luar bilik kelas, dan ke persekitaran dalam talian," katanya semasa penutupan webinar mengenai Reka bentuk dan Pembangunan Kursus Dalam Talian Terbuka Skala Besar (MOOC), baru-baru ini.

Beliau berkata, UMS telah membentuk kerjasama dengan COL pada 2017 dalam mengekalkan misi dan visi universiti yang menumpu kepada usaha menjadi sebuah universiti inovatif bertaraf global.

"Kerjasama dengan COL membawa kepada pembangunan dan pelaksanaan Dasar TEL UMS yang menyediakan asas untuk pembangunan kapasiti manusia dan infrastruktur berkaitan TEL di seluruh universiti."

Beliau menambah, kerjasama aktif COL dengan UMS sejak tiga tahun lepas membawa kepada MOOC – suatu bengkel pembinaan kapasiti yang dijalankan selama 12 minggu dan dihadiri oleh 220 kakitangan akademik. Taufiq juga menggalakkan pensyarah-pensyarah terus komited kepada matlamat mereka untuk mereka bentuk, membangun dan mengeluarkan 30 MOOC untuk dilancarkan pada Oktober tahun ini.

MOOC ini, katanya, adalah penting kepada pembabitan dan pembangunan kapasiti intelektual penuntut semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang ini.

Antara individu penting terbabit dalam webinar itu adalah pakar pendidikan COL Dr Sanjaya Mishra, Dr Wayne Mackintosh daripada OER Foundation of New Zealand, Dr Sheila Jagannathan daripada Open Learning Campus of the World Bank Academy, Prof Paul Prinsloo daripada University of South Africa (Unisa), Dr Nathaniel Ostashewski daripada Athabasca University, dan Prof Curtis J Bonk daripada Indiana University.

Taufiq juga merakamkan penghargaan kepada Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif COL Prof Asha Singh Kanwar kerana memilih UMS sebagai univerti pertama menjadi hos webinar MOOC global.